



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Bahagian Kewangan
Aras 6 & 7, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel. : 03-8000 8000
Faks : 03-8884 7679
Portal: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KP(BKEW)(PK)1587/6/A-3(24)

Tarikh : 9 April 2014

Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Pengarah, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
Pengarah, Bahagian Pendidikan Islam
Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah
Kecemerlangan
Pengarah, Bahagian Pendidikan Khas
Pengarah, Bahagian Sukan
Pengarah, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Semua Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PINDAAN KEPADA PERENGGAN 5.5 SURAT PEKELILING KEWANGAN (SPK)
BIL.2 TAHUN 2009 – GARIS PANDUAN PERBELANJAAN PERUNTUKAN KHAS
SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA (KPM)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, perenggan 5.5, SPK Bil. 2 Tahun 2009 telah menetapkan peraturan berkaitan lebihan/baki peruntukan khas sekolah-sekolah kluster kecemerlangan adalah seperti berikut;

“ 5.5.1 Peruntukan yang diluluskan hendaklah dibelanjakan sepenuhnya dalam tahun semasa. Sekiranya terdapat baki kredit, hanya 10% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan dibenarkan untuk dibawa ke tahun hadapan. Lebihan peruntukan yang melebihi baki dibenarkan hendaklah dikembalikan kepada Bahagian Kewangan, KPM melalui Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK).

5.5.2 Peruntukan yang dijangka tidak dapat dibelanjakan (termasuk tanggungan) pada tahun semasa, hendaklah dimaklumkan dengan

